

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengembalikan semula peruntukan geran MyBrain bagi tujuan melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran bertujuan untuk meningkatkan budaya keintelektualan akademik dalam kalangan rakyat yang sebelum ini telah ditangguhkan oleh Kerajaan terdahulu atas alasan hutang negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Program MyBrain15 merupakan salah satu agenda kritikal yang digariskan dalam Pelan Tindakan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Objektif utama pelaksanaan Program MyBrain15 adalah untuk melahirkan 60,000 bilangan pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) menjelang tahun 2023 sebagai pemacu kepada inovasi melalui pembangunan *first-world talent base* yang akan memacu ekonomi negara menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi

Program MyBrain15 telah mula dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 1 Disember 2010 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan diteruskan pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Program ini telah menunjukkan impak positif yang menyumbang kepada kebolehpasaran graduan, peningkatan kerjaya mengikut bidang pengkhususan dan peningkatan pendapatan serta taraf hidup. Program ini juga dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara melalui aktiviti penyelidikan dan inovasi serta pengkomersialan hasil penyelidikan. Program MyBrain15 telah berjaya menaja seramai 56,910 orang pelajar bagi mengikuti program di peringkat pascasiswazah.

Mengambil kira pencapaian program berkenaan, KPT berhasrat untuk melaksanakan program baharu MyBrain yang memfokuskan kepada penajaan pelajar di peringkat pascasiswazah sebagai kesinambungan kepada Program MyBrain15 yang telah ditangguhkan sebelum ini **tertakluk kepada kelulusan kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU)**. Pelaksanaan program baharu ini kelak diharap dapat meningkatkan budaya keintelektualan akademik dalam kalangan rakyat di samping membantu meringankan beban rakyat termasuk pengangguran dalam kalangan graduan, implikasi daripada penularan pandemik Covid-19. Sekian, terima kasih.